



Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya

SALHAH ABDULLAH
AMIN AL HADI SHAFIE



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya

*Siti Nur Hafizah
Faculty of Health Science*



Universiti Sains Islam Malaysia

11800 Sungai Petani

Kedah Darul Aman

2013

Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya

Salhah Abdullah
Amin Al-Hadi Shafie



Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2011

CETAKAN PERTAMA 2009
CETAKAN KEDUA 2011
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083
www.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Percetakan oleh Nadhi Edar Sdn Bhd

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Salhah Abdullah

Kecerdasan dan kaedah peningkatannya / Salhah Abdullah, Amin Al-Hadi Shafie.

Bibliografi: ms. 51

ISBN 978-967-5295-36-2

1. Multiple intelligences. 2. Amin Al-Hadi Shafie. I. Judul
153.9

Kecerdasannya dan Kaedah Peningkatannya

ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH	vii
PENDAHULUAN	ix
BAB 1: APAKAH KECERDASAN	1
Konsep Kecerdasan	1
Tanda Kecerdasan	3
Jenis-Jenis Kecerdasan	4
Kesimpulan	5
BAB 2: TEORI KECERDASAN	7
Teori Kecerdasan Umum	7
Teori Asas keupayaan Minda	8
Teori Kecerdasan Pelbagai	9
Teori Kecerdasan Triarchic	9
Minda dari Perspektif Islam	9
<i>Intelligence Quotient (IQ)</i>	10
Kesimpulan	11
BAB 3: KAEDAH MENINGKATKAN KECERDASAN	13
Gaya Mudah untuk Meningkatkan Kecerdasan Akal	13
Kesimpulan	18
BAB 4: KECERDASAN EMOSI DAN SPIRITUAL	19
Kecerdasan Emosi	19
Cara Meningkatkan Kecerdasan Emosi	20
Pendekatan Peningkatan Kecerdasan Emosi	21
Kecerdasan Spiritual	23
Panduan Peningkatan Kecerdasan Spiritual	25
Kesimpulan	26

BAB 5: KECERDASAN PELBAGAI	27
Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai	27
Jenis Kecerdasan Pelbagai	28
Panduan Meningkatkan Kecerdasan Pelbagai	31
Langkah dalam Membimbing Kecerdasan Pelbagai	33
Bagaimana Meningkatkan Persekitaran kecerdasan Pelbagai	35
Kecerdasan Pelbagai Meningkatkan Kemahiran Berfikir	35
Kecerdasan Pelbagai dalam Aktiviti Rekreasi	36
Kesimpulan	40
BAB 6: MENILAI KECERDASAN PELBAGAI	41
Prasyarat	41
6 Ciri-ciri Penilaian	42
Alat Penilaian	44
Kecerdasan Pelbagai sebagai Alat Menilai Potensi Diri	45
Kesimpulan	50
RUJUKAN	51

Sekapur Sireh

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Program PERMATA Insan telah berjaya menerbitkan buku Menjana Cendekiawan Islam bersempena dengan Majlis Pelancaran Program PERMATA Insan.

Saya merasa amat terharu melihat perkembangan program PERMATA. Bermula dengan program PERMATA Negara yang memberikan fokus kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, program PERMATA telah mengorak langkah dengan melancarkan program PERMATA Pintar khusus untuk membangunkan potensi kanak-kanak yang pintar, cerdas dan berbakat dalam bidang akademik. Hasil kejayaan melaksanakan program PERMATA Pintar, program PERMATA Seni telah diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak yang berbakat dalam bidang seni membangunkan potensi mereka. Ini telah memberikan inspirasi kepada saya untuk melahirkan program PERMATA Insan ini. Program ini merupakan sebahagian daripada program PERMATA dengan penumpuan kepada para pelajar pintar, cerdas dan berbakat yang mempunyai kecenderungan dan kebolehan yang tinggi dalam bidang pengajian Islam.

Program PERMATA Insan ini adalah satu program yang begitu istimewa di hati saya kerana ianya dirangka khusus untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak di negara kita untuk dibangunkan potensi mereka secara optimum bagi mencapai hasrat untuk melahirkan Cendekiawan Islam yang ulung. Insya-Allah akan lahirlah seorang Ibn Sina, Ibn Khaldun, Al-Ghazali dan Al-Khawarizmi dari Malaysia suatu hari nanti.

Saya amat berbangga kerana buku Menjana Cendekiawan Islam ini merupakan hasil idea dan pencernaan kreativiti para penulis yang terdiri daripada para akademik di Universiti Sains Islam Malaysia. Kandungan buku ini digarap dengan begitu baik bagi mencerminkan konsep keseluruhan program PERMATA Insan yang menekankan penguasaan dalam bidang Al-Quran dan Al-Sunnah, Pembangunan Insan, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Besarlah harapan saya untuk melihat bakal sarjana dan teknokrat Islam pada masa akan datang merupakan mereka yang terdidik daripada program PERMATA ini, Insya-Allah.

Permata Insan: *Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya*

Indah sulaman selendang sutera
Dipakai oleh gadis jelita
Anak-anak modal insan negara
Digilap awal tinggi nilainya

Buaian digantung di tepi titi
Anak bermain berhati-hati
PERMATA Insan program murni
Menjana Cendekiawan Islam sejati

Setinggi penghargaan dan sekalung tahniah saya rakamkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia, kepada semua penulis dan mereka yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan buku Menjana Cendekiawan Islam ini.

Sekian, terima kasih, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR

Isteri Y.A.B Perdana Menteri,

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara.

Pendahuluan

Buku kecil ini diharapkan dapat memberi dorongan kepada pembaca khususnya ibu bapa yang berhasrat memahami tentang konsep kecerdasan yang sering kali dikaitkan dengan kecerdasan intelek (*Intelligence Quotient IQ*), kecerdasan emosi (*Emotional Quotient EQ*) dan juga kecerdasan spiritual (*Spiritual Quotient SQ*). Objektif buku ini adalah bagi memberi sedikit panduan mendidik anak-anak khususnya dalam meningkatkan kecerdasan intelek, kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual. Panduan yang dimuatkan dalam buku ini diharapkan menjadi pedoman bagi menjana minda, emosi dan spiritual anak-anak agar menjadi insan yang seimbang secara menyeluruh selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Buku yang memuatkan enam bab ini disusun bermula dengan pengenalan konsep kecerdasan dan beberapa teori kecerdasan. Walaupun buku ini padat dengan teori dan panduan, penulis cuba menggunakan gaya bahasa yang mesra pembaca. Penulis prihatin kepada sasaran pembaca khususnya kepada ibu bapa yang memerlukan bacaan ringan dan bermaklumat serta memberi panduan yang boleh dipraktikkan. Kecerdasan yang menjadi fitrah harus gilap menjadi permata yang mampu memberi kesejahteraan kepada semua insan. Oleh itu buku ini diharapkan dapat merealisasikan hasrat memberi sumbangan dalam bentuk karya ilmiah yang sesuai untuk bacaan umum.

Buku ini tidak mampu memuaskan semua pembaca. Namun perkongsian pengalaman sebagai pendidik dalam memberikan panduan secara praktikal diharapkan mampu memberikan motivasi untuk dikongsi bersama. Panduan dalam buku ini mengutamakan penerapan nilai-nilai murni sebagai asas kepada pembinaan insan seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Anak-anak perlu dibimbing berdasarkan potensi dan bakat mereka bagi memudahkan mencapai kecerdasan intelek, emosi dan rohani yang berlandaskan kebijaksanaan, kepintaran secara berhikmah. Kecerdasan Pelbagai setiap insan adalah unik oleh itu setiap insan harus diberi peluang menjana minda atau intelek, fizikal dan emosi dan spiritual supaya mencapai ke tahap optimum. Kecerdasan pelbagai juga perlu dinilai dengan pelbagai cara bukan sahaja secara penilaian tradisional tetapi juga perlu dinilai secara lebih autentik dan bermakna.

Bab 1: Apakah Kecerdasan



KONSEP KECERDASAN

Setiap ibu bapa inginkan anak yang cerdas. Walaupun kadangkala takrif kecerdasan masih kurang jelas. Kecerdasan mungkin dibayangkan anak yang sihat, riang, cekap, pantas bertutur dan bertindak, pandai menyesuaikan diri, cerdas pula otaknya dan mudah dan suka untuk belajar. Kecerdasan atau '*intelligent*' telah berkurun cuba untuk ditakrif dan dihuraikan oleh pakar bijak pandai. Ramai pakar-pakar bersetuju bahawa ianya agak sukar untuk diberikan pentakrifan. Terdapat antara pakar yang menyatakan kecerdasan ialah kebolehan untuk mendapatkan maklumat terkini dan menyesuaikan diri dalam suasana yang baru. Terdapat juga yang berpendapat kemahiran dalam menyelesaikan dan menguruskan masalah adalah lebih penting dalam memberikan takrif kecerdasan atau kepintaran(Roulinski 2007).

Kecerdasan merupakan satu konsep yang kompleks jika dilihat melalui Teori Piaget. Walaupun begitu secara umum Piaget turut menyatakan kecerdasan berkait rapat dengan kebolehan individu membuat adaptasi kepada alam sekitarnya. Beliau juga menekankan bahawa kecerdasan ini adalah dinamik dan sentiasa boleh berubah atau bertukar. Tahap kecerdasan adalah tidak statik dan akan terus berubah dengan

adanya rangsangan baru atau tidak dirangsang langsung. Rangsangan akan membantu meningkat kecerdasan, atau jika tidak ada rangsangan kecerdasan akan kekal atau merosot. Namun begitu secara umum kecerdasan dapat disimpulkan sebagai kemahiran menggunakan pemikiran logik, kemahiran menyelesaikan masalah, pemikiran kritikal dan kebolehan membuat penyesuaian atau adaptasi diri dengan alam.

Piaget juga melalui teori pendekatan perkembangan kecerdasan, menyatakan kecerdasan adalah satu mekanisme asas yang menentukan keseimbangan hubungan antara manusia dan alam. Ini terjadi dalam proses tindakan membangunkan manusia dan alamnya. Manusia memerlukan kecerdasan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan alam. Rangsangan yang timbul dari perubahan yang dihadapi manusia akan membantu dalam meningkatkan kecerdasan akal manusia. Rangsangan yang berbentuk terancang atau tidak terancang keduanya diperlukan untuk menggerakkan kecerdasan. Menonton tv contohnya boleh merangsang kecerdasan tetapi kajian mendapati ia adalah satu rangsangan yang sangat minima. Kecerdasan akan hanya terangsang sedikit sahaja semasa menonton televisyen kerana bentuknya yang sangat pasif.

Kecerdasan juga merupakan satu konsep luas yang memerihalkan keupayaan minda dan melibatkan beberapa keupayaan yang berkaitan, seperti keupayaan penaakulan, merancang, menyelesaikan masalah, berfikir secara abstrak, memahami idea-idea, menggunakan bahasa dan kebolehan berbahasa dengan baik. Dalam beberapa hal kecerdasan mungkin melibatkan unsur kreativiti, personaliti, sikap, pengetahuan, dan kebijaksanaan dalam mengurus kehidupan.

Kebolehan menaakul atau memberikan sebab munasabah dalam sesuatu hal atau kejadian memerlukan maklumat dan kecerdasan dalam memproses maklumat tersebut. Keupayaan mengaitkan antara satu sebab dengan dan menggunakan akal fikiran membezakan antara seseorang yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dengan yang lain. Begitu juga dengan kebolehan mengurus, merancang dan menyelesaikan masalah. Kebolehan mengurus diri dan masa diperlukan untuk membolehkan seseorang kanak-kanak memudahkan dirinya dengan beberapa perubahan gaya hidup yang mesti dilaluinya semasa membesar. Kebolehan ini bergantung juga kepada keupayaannya memahami apa yang sedang dilaluinya.

Kecerdasan atau "*Intelligent*" berasal dari bahasa latin iaitu "*intelligere*" yang membawa maksud memahami. Manusia berbeza dalam kebolehan memahami idea-idea yang kompleks, menyesuaikan diri dengan alam secara berkesan, belajar dari pengalaman, menggunakan beberapa kaedah berfikir dalam menguruskan permasalahan kehidupan mereka. Keadaan ini jugalah yang membezakan manusia dalam mengurus kehidupan. Sebagai contoh, terdapat individu yang mudah memahami konsep-konsep seperti konsep dalam matematik dan sains. Konsep 'penuh' contohnya, terdapat individu yang sukar untuk memahaminya, namun terdapat juga mereka yang amat mudah memahami konsep-konsep tersebut. Ia sebenarnya

bergantung pada tahap kecerdasan kanak-kanak tersebut. Tahap kecerdasan yang tinggi akan memudahkan individu memahami konsep-konsep yang abstrak, manakala kecerdasan yang agak kurang akan menyukarkan individu untuk memahami konsep-konsep. Dengan itu terdapat individu yang suka kepada Sains dan matematik kerana ia mudah kepada mereka manakala terdapat juga mereka yang kurang minat dengan sains dan matematik kerana perkara ini sukar untuk difahami. Begitu juga kebolehan untuk menyesuaikan diri. Terdapat individu yang mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan perubahan mana kala ada juga individu yang mudah menyesuaikan diri dalam apa jua perubahan. Ini ada kaitan dengan kecerdasan.

Info Quran:

*“Yang mempunyai cerdas: dan (Jibril itu)
menampakkan diri dengan merupakan yang asli.”*

Al-Najm (53:6)

TANDA-TANDA KECERDASAN

Bagi anak-anak yang cerdas terdapat beberapa petanda-petanda yang ditunjukkan yang dapat dilihat oleh mereka yang terlatih dan juga tidak terlatih seperti ibu bapa juga. Petanda-petanda ini dapat dilihat dari beberapa aspek ia itu:

Ciri Kecerdasan Kognitif

- anak sangat teliti '*observant*'
- darjah ingin tahu yang tinggi sangat '*curious*'
- minat yang mendalam terhadap sesuatu hal
- ingatan yang sangat baik
- daya penumpuan yang lama
- kebolehan memberi sebab musabab yang baik
- kebolehan memahami konsep dan perkara abstrak yang baik
- cepat dapat menghubungkan idea , objek dan fakta
- pemikiran yang anjal (*fleksibel*)
- pemikiran yang pelbagai
- kebolehan yang tinggi dalam menyelesaikan masalah
- kebolehan belajar tinggi tanpa ulangan
- daya imaginasi tinggi dan berbagai

Ciri Kecerdasan Sosial dan Emosi

- minat dalam hal sosial dan falsafah
- sangat sensitif emosional dan fizikal
- sangat berat tentang keadilan dan kesaksamaan
- *perfection/* keunggulan
- bertenaga
- daya kejenakaan yang tinggi
- mempunyai motivasi intrinsik
- berhubung baik dengan ibu bapa, guru dan dewasa yang lain

Ciri -ciri Kecerdasan Bahasa

- mempunyai perbendaharaan kata yang luas
- membaca di awal usia
- membaca cepat dan luas
- banyak bertanyakan soalan

Lain-lain Ciri sebagai Petunjuk

- suka belajar perkara baru
- gemar aktiviti berbentuk intelektual
- menunjukkan kejenakaan berbentuk intelektual
- suka buku atau majallah saya diminati golongan dewasa
- skeptikal, kritikal dan sangat menilai

JENIS-JENIS KECERDASAN

Meneliti jenis-jenis kecerdasan, terdapat berbagai pembahagian dibuat oleh para pengkaji terhadap kecerdasan ini antaranya kecerdasan dapat dilihat dalam bentuk berikut:

Kecerdasan Matematik

Kecerdasan matematik dan logik adalah merupakan kemampuan mengira, berfikiran logik, berfikir secara induktif dan deduktif dan ketajaman akal dalam melihat dan memahami pola-pola abstrak serta hubungannya antara satu dengan lain. Kecerdasan juga dapat melihat perkaitan antara apa yang dipelajari dan kegunaannya kehidupan seharian.

Kecerdasan ini dapat juga dilihat dalam keupayaan kanak-kanak menggunakan akalannya dalam mengaitkan masalah yang diberi atau dihadapi dengan keperluan penyelesaian matematik yang diperlukan bukan hanya mengira atau membilang sahaja. Individu ini juga merasa gembira dan senang memahami konsep-konsep abstrak seperti konsep isi padu dan dengan mudah dapat menyelesaikannya. Individu ini juga memiliki kebolehan membuat analisis dan membuat konsepsi.

Kecerdasan Literal/ Berbahasa / Kemahiran Verbal

Bidang kecerdasan ini berkait rapat dengan kebolehan berbahasa, bercakap dan menulis. Mereka yang mempunyai kecerdasan berbahasa yang tinggi sangat pandai dalam menggunakan kata-kata dan bahasa. Mereka selalunya cekap dalam membaca, menulis, bercerita dan mengingat perkataan dan tarikh-tarikh. Mereka dapat belajar dengan baik hanya dengan membaca, mengambil nota-nota, mendengar kepada syarahan, berbincang dan berdebat. Mereka juga selalunya berkemahiran dalam mengajar, memberi penerangan, memujuk, meyakinkan dan berbincang. Mereka yang memiliki kecerdasan berbahasa yang tinggi akan lebih mudah belajar bahasa asing, mudah menghafal dan mengingat kembali dan memahami bahasa dengan mudah.

Kecerdasan Sains

Goudsmit (1956) telah berusaha untuk memberikan takrifan kecerdasan sains atau *scientific intelligence*, sebagai pengetahuan mengenai sains dan potensinya. Ahli sains yang mencipta hasil sains yang terkenal memiliki kecerdasan melihat hubungan sains dan hubungan kegunaannya dengan kehidupan manusia. Ciptaan teknologi dapat melihat kecerdasan sains yang dimiliki oleh penciptanya.

Kecerdasan falsafah

Kecerdasan dalam membuat pemikiran dan mencetuskan idea-idea abstrak dalam pengurusan kehidupan manusia. Kecerdasan ini juga agak sukar untuk diberikan definisi secara mudah kerana ia berkait dengan bentuk kecerdasan yang lain. Kebolehan berfikir dan memberikan jawapan kepada pengurusan kehidupan manusia adalah merupakan salah satu kecerdasan falsafah.

KESIMPULAN

Bab pertama ini sebagai pengenalan kepada buku ini yang membincangkan secara ringkas apa yang dimaksudkan kecerdasan atau kepintaran. Tanda-tanda kecerdasan yang dapat dilihat kepada naka-anak dan jenis-jenis kecerdasan. Sering kali dikaitkan kecerdasan dengan cerdas matematik bahasa, sains dan falsafah adalah dianggap sebagai indikator kepada kecerdasan.

Bab 2: Teori Kecerdasan



Roulinski 2007, menyatakan terdapat empat teori yang berkaitan dengan kecerdasan dan mendapat pengikut yang ramai iaitu:

- Teori Kecerdasan Umum (*General Intelligence*)
- Teori Asas Keupayaan Minda (*Primary Mental Abilities*)
- Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multipal Intelligence Theory*)
- Teori Kecerdasan Triarchic (*Triarchic Theory Of Intelligence*)

TEORI KECERDASAN UMUM

Charles Spearman, pada awal kurun 20-an mula menyarankan adanya kecerdasan umum ini. Ia merupakan kebolehan yang dimiliki oleh seseorang diukur melalui pengetahuan dalam bentuk jumlah perbendaharaan kata yang dikuasai dan kemahiran matematik. Keberkesanan menguruskan diri dan kehidupan juga dikatakan berhubung rapat dengan darjah kecerdasan umum yang dimiliki manusia.

Cattel and Horn (2007) membincangkan dua bentuk kepintaran umum ia itu kecerdasan Fluid dan kepintaran *crystallized*. Kecerdasan fluid (*fluid intelligence'gf'*)

merupakan kebolehan biologi atau asli yang diwarisi melalui warisan dan struktur otak manusia dalam membuat penaaakulan dan mendapatkan maklumat baru. Manakala *crystillizes intelligence* pula merupakan maklumat-maklumat dan kebolehan yang didapati oleh individu semasa hidupnya dalam interaksinya dengan alam sekitar dan pengalamannya. Setiap anak yang dilahirkan sebenarnya memiliki potensi kecerdasan dan keunikan masing-masing. Tugas ibu bapa dan guru-guru adalah bagi mempertahankan potensi ini dan meningkatkannya.

Kajian menunjukkan keturunan mempunyai peranan yang agak signifikan terhadap IQ atau kecerdasan. Kecerdasan didapati ada hubungan dengan struktur otak dan gen manusia dalam membentuk struktur otak ini. Pertembungan dua keturunan yang mempunyai gen yang baik mungkin akan melahirkan struktur otak yang cerdas.

Howard Gardner menyatakan anak dilahirkan telah membawa keunikan dan kecerdasan masing-masing. Namun mereka yang signifikan dalam kehidupan anak-anak seperti ibu bapa dan guru-guru adalah berperanan dalam mencungkil dan menyubur kan kecerdasan anak-anak ini. Oleh itu kemungkinan mendapatkan kecerdasan yang tinggi adalah mungkin dengan usaha yang bersungguh dibuat oleh mereka yang penting dalam membina alam sekitar yang sihat dan kaya untuk tujuan tersebut.

Usaha membina alam ini perlu bermula sejak awal, malah menurut ajaran Islam semasa mencari pasangan lagi, alam yang dibina dan rangsangan yang disediakan untuk anak-anak akan membantu membina tahap kecerdasan mereka, yang juga merupakan kemahiran dalam mengadaptasi diri dengan alam mereka.

TEORI ASAS KEUPAYAAN MINDA

Thurstone (1938) telah pun menyarankan kecerdasan ini mengandungi tujuh faktor yang dikenali sebagai asas keupayaan minda . Ini adalah kerana beliau mendapati individu yang cerdas dalam satu bidang tidak semestinya cerdas dalam bidang yang lain. Beliau melihat adanya situasi perlunya dibezakan antara kecerdasan sosial dengan bukan sosial, akademik dan bukan akademik serta mekanikal dan kecerdasan abstrak. Individu yang cerdas dalam verbal atau mempunyai kemahiran sosial yang baik mungkin tidak begitu baik dalam bidang sains atau matematik. Begitu juga mereka yang cerdas dalam matematik mungkin tidak cerdas dalam sukan. Dengan itu ia berpendapat kecerdasan dam asas keupayaan minda adalah terdiri dari perkara berikut:

1. Keupayaan berbincang secara verbal
2. Kelancaran pertuturan
3. Kebolehan matematik
4. Keupayaan ingatan
5. Kelajuan persepsi

6. Kemahiran penaakulan
7. *Spatial visualisation*

TEORI KECERDASAN PELBAGAI

Gardner (1983) pada awalnya menyatakan setiap individu memiliki beberapa unsur atau kombinasi dari kecerdasan berikut:

1. Cerdas verbal-linguistik.
2. Cerdas logik-matematik.
3. Cerdas spatial atau visual-ruang.
4. Cerdas muzikal.
5. Cerdas kinestetik diri fizikal.
6. Cerdas hubungan interpersonal.
7. Cerdas hubungan intrapersonal.

Perbincangan yang lebih lanjut tentang kecerdasan pelbagai akan dihuraikan dalam bab lima.

TEORI KECERDASAN TRIARCHIC

Stenberg menyarankan terdapat tiga jenis kecerdasan. Pertama kecerdasan analatikal iaitu kebolehan memberi sebab musabab. Kedua ialah kecerdasan kreatif, iaitu kebolehan menggunakan pengalaman lalu untuk menyelesaikan permasalahan baru. Terakhir ialah kecerdasan praktikal yang menggambarkan kebolehan seseorang dalam menguruskan kehidupan dan permasalahan seharian dalam kehidupan mereka.

MINDA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Minda dalam bahasa Inggeris "*mind*" – tidak mempunyai perkataan seperti dalam bahasa Arab walaupun mungkin ia hampir sama dengan maksud al-'Aql (akal). Bagi Iman al-Ghazali, elemen-elemen dalam diri seseorang manusia mengandungi antaranya akal atau kebijaksanaan (hikmah), keyakinan diri (*ghadab*) dan cita rasa (*syahwah*). Ketiga-tiga elemen tersebut perlu "bekerja" secara seimbang agar mencapai hakikat sebagai seorang manusia yang sempurna. Iman al-Ghazali meletakkan entiti kerohanian kepada empat komponen utama yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu *qalb*, *ruh*, *nafs* dan *'aql* (Zulkiple Abd. Ghani 2008).

Peranan akal dalam al-Quran ternyata penting dengan menyebut 48 kali dengan mengaitkan karakter orang-orang yang berakal. Melalui ayat-ayat tersebut, terdapat beberapa peranan utama akal yang boleh difahami antaranya iaitu dalam surah al-Baqarah: 242 yang bermaksud:

“Demikian Allah menerangkan kepada kamu hukum-hukum (tanda-tanda)-Nya supaya kamu memahaminya.”

Info Quran:

“Sesungguhnya aku hanya diberi harta itu kerana ilmu (pengetahuan, kepandaian, kepintaran dan hikmah) yang ada pada ku”

Surah Al-Qasas (28:78)

INTELLIGENCE QUOTIENT (IQ)



Ujian tahap kecerdasan telah mula digunakan di Perancis pada 1904 oleh pakar psikologi Alfred Binet apabila beliau diminta untuk membezakan antara kanak-kanak yang kecerdasan yang normal dan mereka yang di bawah normal. Satu kaedah yang telah diterima dalam mengukur kecerdasan ialah melalui ujian IQ. IQ sebenarnya hanyalah satu kaedah penilaian dalam menyatakan potensi kecerdasan seseorang. Ia merupakan satu penilaian yang berguna dalam mengukur secara kuantitatif beberapa kebolehan individu berbanding dengan kelompoknya. Ia juga merupakan satu tinjauan beberapa kebolehan yang boleh menjangka kan kejayaan. IQ menunjukkan pengukuran kecerdasan individu seperti yang ditunjukkan oleh ujian kecerdasan yang digunakan.

Perkiraan IQ

IQ merujuk kepada skor yang berbentuk perkiraan matematik, yang diukur dengan membahagikan umur akal anak dengan umur kronologi, keputusan yang diperoleh didarabkan dengan 100.

IQ = umur akal (UA) dibahagi dengan umur kronologi (UK) dan hasilnya didarabkan dengan 100. Sekiranya anak berumur 10 tahun berprestasi akal juga di tahap umur 10, menjadikan $UA/UK = 10 / 10 = 1$ kali 100. Oleh itu IQ adalah 100.

Sekiranya kanak-kanak berumur 10 tahun (UK) dan keputusan prestasi umur akal 20. $UK//UA = 10 / 20 = 2$ Kali 100. IQ kanak-kanak ialah 200.

Secara umum tahap purata 100 adalah sederhana, skor yang di atas dari 100 adalah tinggi dari purata dan di bawah dari 100 adalah dianggap rendah dari purata (*average*). Secara umum sejumlah besar kita berada di antara 90 ke 110 skor IQ.

Dalam IQ ia memerlukan kelajuan memproses data dan jumlah pemikiran yang diproses. Kelajuan semasa menjalankan ujian, dan jumlah data yang diproses dengan betul akan memberikan jumlah skor. Oleh itu individu yang mendapat skor yang tinggi dalam IQ mempunyai potensi yang besar mempunyai kecerdasan yang tinggi juga.

KESIMPULAN

Bab ini membincangkan secara ringkas tentang beberapa teori kecerdasan di samping mengaitkan dengan perspektif Islam dari sudut minda. Konsep IQ dijelaskan dengan ringkas disusuli dengan kaedah pengiraan IQ. Dengan perbincangan ini diharapkan memberi maklumat yang mudah difahami dan mendorong pembaca untuk membaca bahan lain sebagai mengayakan ilmu pengetahuan tentang kecerdasan khususnya IQ.

Bab 3: Kaedah Meningkatkan Kecerdasan

Otak sebagaimana masul dan anggota yang lain memerlukan pemakanan, latihan dan riadah yang betul. Lebih banyak kita menggunakan otak dengan cara yang betul, lebih banyak kita meningkatkan kebolehnya untuk fokus dan berfikir secara tajam. Sebaliknya, jika otak ini diberikan makanan atau bahan kimia yang bahaya ia akan merosakkan fungsinya dan kebolehan berfikir anda. Bagi mereka yang menggunakan dadah yang berbahaya ia turut merosakkan fungsi otak dan juga menjejaskan kecerdasan individu. Oleh itu sebagaimana bahagian tubuh badan lain yang dijaga dan dibangunkan begitu juga dengan otak yang berfungsi adalah penting menentukan kecerdasan dan gaya hidup kita.

GAYA MUDAH UNTUK MENINGKATKAN KECERDASAN AKAL

Perhubungan dengan anak-anak

Berhubunglah dengan anak-anak, bercakap dan berinteraksi dengan mereka sejak kecil. Kajian menunjukkan, lagi banyak kita bercakap, lebih banyak anak mendengar, lagi banyak mereka menguasai bahasa. Bercakap dengan bahasa yang mudah, konkrit dan pelbagai, akan menggalakkan mereka menggunakan bahasa, menambah perbendaharaan kata dan meluaskan pemahaman mereka terhadap alam sekeliling. Jumlah perbendaharaan kata yang dikuasai anak-anak adalah merupakan salah satu pengukur tahap kecerdasan mental anak-anak. Lebih banyak perbendaharaan kata yang dimiliki dan difahami anak lebih tinggi skor IQ yang akan diperolehi.

Mengajar dan meningkatkan kebolehan hubungan secara bukan lisan juga adalah perlu untuk membolehkan anak-anak memupuk kemahiran berhubung dengan berkesan. Komunikasi secara isyarat tubuh badan dapat meningkat kebolehan mengingat dan daya komunikasi mereka.

Memeluk dan membelai



Anak-anak sejak kecil perlu sentuhan dan belaian dari ibu bapa dan orang dewasa. Memeluk dan membelai serta menunjukkan kasih sayang adalah perlu bagi meningkatkan keyakinan mereka dan memberikan isyarat bahawa mereka dikehendaki dan disayangi. Kepada anak-anak hubungan ini membina keyakinan diri mereka dan membolehkan mereka menerokai alam ini dengan yakin mengetahui bahawa anda ada bersama mereka sekiranya diperlukan. Hubungan sebegini juga menggalakkan mereka mencuba dan yakin mengambil risiko kerana anda sentiasa ada dan memberikan sokongan.

Membacakan Cerita, Puisi dan Nyanyian

Membacakan cerita kepada anak-anak, sediakan masa untuk membacakan cerita, puisi-puisi dan lagu-lagu kepada anak-anak. Ini bukan sahaja meningkatkan rasa ingin tahu, daya kreativiti. Pengalaman ini juga membiasakan mereka dengan perkataan dan bunyi-bunyi rima yang cantik. Keadaan ini akan memupuk daya kesenian dan kehalusan jiwa anak-anak tersebut. Suara ibu bapa juga memberikan keselesaan kepada anak-anak sejak bayi lagi. Buku-buku yang cantik dan berwarna-warni juga akan membantu meningkatkan daya minat serta pemerhatian serta daya imaginasi dan visual anak-anak yang menjadikan mereka lebih artistik dan harmoni jiwanya. Hubungan mesra anak dan ibu bapa semasa membaca menambahkan rasa keakraban dan kasih sayang yang tidak ternilai .

Bagi anak-anak yang membesar sekiranya kita inginkan mereka menjadi bijak dan kelihatan bijak kita perlu menggalakkan mereka banyak membaca. Membaca akan meningkatkan bilangan perbendaharaan kata, memperbaiki kebolehan mengeja dan tatabahasa yang baik serta mendapatkan maklumat yang boleh digunakan dalam kehidupan. Membaca juga adalah satu kaedah merangsang otak yang terbaik. Membaca buku yang merangsang otak akan membantu dalam meningkatkan

kebolehan membaca dan menulis. Membaca dalam bahasa Inggeris atau Arab atau bahasa asing yang lain juga akan mengubah pola pemikiran terutama bahasa-bahasa klasik. Perkataan yang tidak difahami tidak boleh ditinggalkan malah perlu berusaha untuk memahaminya dengan merujuk dalam kamus. Usaha kaedah membaca pantas juga perlu dititik beratkan. Kebolehan membaca dengan pantas akan membolehkan mereka mendapat maklumat dengan banyak dalam masa yang singkat. Maklumat yang dikumpulkan dengan banyak akan meningkatkan kebolehan berfikir dan menguruskan masalah dan kehidupan harian mereka. Ini juga akan meningkatkan kebolehan menggunakan maklumat yang ada semasa menghadapi permasalahan mereka. Latihan dan kemahiran membaca pantas '*speed reading*' harus diberikan kepada anak-anak agar mereka bukan sahaja suka membaca, tetapi juga dapat mengumpul maklumat dengan cepat dan banyak.

Semasa membaca bagi perenggan yang agak sukar, harus juga diusahakan untuk memahaminya dengan baik dan tepat. Galakkan anak membaca beberapa kali sehingga mereka dapat memahaminya. Kesukaran ini tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja. Habit ini adalah sangat baik kerana ia akan memaksa otak bekerja dan menjadi lebih aktif untuk memahami apa juga permasalahan yang sukar. Lagi kerap menggunakan otak, bertambah baik otak bekerja. Ia akan bertambah aktif dan cergas.

Pengawasan

Walaupun anak-anak memerlukan perhatian dari ibu bapa tetapi tidaklah perlu untuk kita sentiasa mengawasi mereka, hanya yang diperlukan ialah perhatikan mereka tetapi beri juga ruang untuk mereka mengembang dan membangun. Terlalu memberikan perhatian akan membawa rasa lemas dan jemu malah membawa tekanan, sehingga anak-anak tidak menggunakan otak mereka untuk berfikir dan membangunkan potensi kecerdasan mereka. Dalam kanak-kanak menyusun dan memilih permainan contohnya, memerlukan mereka menggunakan otak untuk membuat pilihan. Keupayaan anak-anak memilih dan membuat keputusan adalah satu latihan yang baik sebagai latihan meningkatkan kecerdasan anak-anak. Pengawasan diperlukan tetapi ruang juga perlu diberi untuk mereka berkeaktiviti dengan kecerdasan sendiri.

Pemilihan Permainan

Menggalakkan permainan yang menggunakan fungsi otak, seperti permainan yang memerlukan kiraan dan perancangan dan kiraan haruslah menjadi pilihan. Permainan congkak contohnya merupakan permainan tradisional Melayu yang memerlukan perancangan dan perkiraan untuk menang. Ini membantu anak-anak berfikir dan membuat perancangan. Permainan Bahasa seperti bermain silang kata, juga membolehkan anak menambah perbendaharaan kata dengan berusaha berfikir dan melihat kamus. Permainan *scrabble*, *chess* dan lain-lain adalah sangat baik mengajar anak-anak menggunakan akal fikiran untuk bermain. Permainan ini juga meningkatkan

kesabaran dan kebolehan bekerjasama dan menerima kekalahan dan kemenangan dengan baik. Kebolehan bekerjasama, menerima kekalahan dan kemenangan dengan baik adalah juga menunjukkan kecerdasan dan kematangan.

Aktiviti berkeluarga yang melibatkan anak-anak perlu membuat eksplorasi adalah digalakkan, bagi melatih anak membuat eksplorasi, meneliti, mengamati dan menyelidik serta menanyakan sebab dan musabab mengikut logik mereka ini. Ini akan mengajar mereka menganalisis dan berfikir logik dan membina kekuatan menaakul atau memberikan sebab dan perkaitan antara kejadian.

Usaha membawa anak-anak meneroka alam, perkhemahan, dan perkelahan adalah merupakan aktiviti baik untuk meningkatkan daya kreativiti anak dan juga memberi ruang anak-anak meneroka dan meneliti alam semula jadi. Rangsangan dari alam semula jadi, terutama dari kanak-kanak lain adalah penting bagi meningkatkan kecerdasan anak-anak. Kegembiraan yang diperoleh dari aktiviti bersama keluarga ini akan membina rasa harmoni dan kestabilan emosi anak-anak juga.



Riadah dan senaman

Riadah atau senaman adalah merupakan satu kaedah yang mudah dan baik untuk menyegarkan tubuh badan dan mengembalikan kecergasan otak. Anak-anak yang mengambil masa yang lama menonton televisyen akan melemahkan otak dengan aktiviti yang sangat pasif ini. Menonton televisyen walaupun dijangka akan menjadi rangsangan kepada anak tetapi ia tidak aktif. Keperluan untuk bergerak dan bersenam atau riadah bersama anak-anak akan membantu dalam mengembalikan semula tenaga dan meningkatkan kecerdasan akal fikiran di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Tidur Awal dan Bangun Awal

Tidur adalah satu keperluan asasi manusia. Tidur memberi ruang untuk otak dan tubuh badan berehat dan kembali ke tahap bersedia segar. Manusia fitrahnya tidur pada waktu malam dan bekerja pada waktu siang. Setelah melakukan pekerjaan dan meletihkan, otak dan tubuh badan perlu rehat untuk membolehkan ia segar semula. Oleh itu, tidur awal pada waktu malam dan bangun juga awal adalah satu pola kehidupan yang dapat membantu dalam pertumbuhan otak yang sihat dan cergas. Fenomena tidur lewat atau tidak tidur malam di sebaliknya tidur pada waktu siang adalah menentang fitrah kejadian manusia. Keluar hingga larut malam dan tidur sehingga tengah hari akan memberikan kesan letih kepada tubuh badan, ini akan memberi kesan kepada kecerdasan otak.

Otak juga memerlukan sedikit kerehatan pada waktu tengah hari. Mengambil tidur sebentar pada tengah hari, akan membantu dalam memulihkan tenaga dan mencergaskan otak. Tidur sepuluh atau lima belas minit pada waktu tengah hari dapat membantu kecekapan otak. Tetapi tidur yang terlalu lama pada siang hari juga akan menjadikan diri lemah. Tidur sebentar akan menyegarkan otak dan tubuh badan.

Masa bersendirian

Menyediakan masa untuk bersendirian, untuk Solat, dan menyemak perbuatan diri adalah juga penting. Solat adalah satu aktiviti yang penting membolehkan kita berhenti sebentar dalam melakukan aktiviti seharian dan memberi tumpuan kepada ibadah kepada Allah. Ia merupakan aktiviti rehat yang penting dan membawa otak memikirkan hubungan diri dan penciptanya, bukan terus menerus sibuk dengan aktiviti kehidupan dunia seharian. Suasana tenang pada waktu solat memberi ruang otak menjadi segar dan aktif semula. Mendidik anak melakukan solat adalah penting dalam membina pola kehidupan yang sihat dan menerapkan nilai murni dalam kehidupan mereka.

Wirid-wirid juga adalah baik dalam meningkatkan kebolehan konsentrasi dan merehatkan otak dan pemikiran serta menimbulkan rasa harmoni dan ketenangan dalam diri. Wirid yang mudah dan difahami pula artinya akan membina kekuatan dalaman diri dan melatih otak membuat konsentrasi dengan baik.

Apabila kita terlalu sibuk dengan kehidupan seharian, kita mungkin tidak ada masa untuk diri sendiri. Kuasa konsentrasi akan mula kurang. Kita harus mencari waktu untuk memikirkan masa untuk diri sendiri. Ini akan menyusun semula pemikiran dan membina keutamaan dalam kehidupan dengan lebih baik. Kebolehan membuat keputusan akan bertambah baik dan memberi fokus kepada isu yang penting. Kebolehan membuat keputusan dan memberi fokus juga adalah menunjukkan tahap kecerdasan diri individu.

KESIMPULAN

Kecerdasan adalah dimiliki oleh semua orang dan potensi ini tidak kekal. Ini adalah kerana selain dari diwarisi ia juga dipengaruhi oleh alam sekitar yang merupakan rangsangan kepada pertumbuhan kecerdasan ini. Peranan ibu bapa dan guru serta mereka yang penting dalam kehidupan anak-anak ialah merangsang pertumbuhan kecerdasan anak-anak ini. IQ adakah merupakan pergerakan kuantitatif yang dibuat untuk mengukur tahap kecerdasan anak-anak. Tahap IQ dikira dengan membandingkan skor dengan pencapaian mereka yang seumur. Tahap umum IQ normalnya berada dalam kiraan 100 manakala yang di atas dirasakan kecerdasan tinggi. Namun begitu beberapa usaha boleh dilakukan untuk merangsang bagi meningkatkan kecerdasan ini.

Bab 4: Kecerdasan Emosi dan Spiritual

KECERDASAN EMOSI

Kebijaksanaan seseorang menggunakan aspek perasaan dalam membuat keputusan dan bertindak terutamanya bila berkomunikasi dengan orang lain lebih besar pengaruhnya daripada memberikan hujah yang berdasarkan logik semata-mata. Maka kehadiran konsep Kecerdasan Emosi mengikut Daniel Goleman (1995) lebih dikenali sebagai *Emotional Quotient* atau EQ pula menjadi tumpuan ahli psikologi pendidikan. Menurut beliau EQ adalah prasyarat untuk keberkesanan IQ. Apa yang beliau maksudkan adalah: IQ seseorang tidak akan berfungsi dengan baik jika bahagian otak kita rosak kerana kecacatan emosi. Beliau juga menegaskan prestasi seseorang di tempat kerja 80 peratus bergantung kepada kecerdasan emosi berbanding 20 peratus sahaja merujuk kepada kecerdasan intelek.

Kebijaksanaan seseorang menyepadukan perkara-perkara logik dan rasional kepada perasaan dan membangkitkan emosi dianggap seorang yang mempunyai kecerdasan emosi (EQ). EQ didefinisikan juga sebagai sejenis kecerdasan sosial yang melibatkan kemahiran untuk memantau serta membuat diskriminasi di antara emosi sendiri atau emosi orang lain dan seterusnya, memanfaatkan maklumat ini sebagai panduan pemikiran dan tindakan orang lain (Young, 1996 dalam Michael 2006).

Info:

“...Setiap orang boleh marah – ini senang sahaja. Tetapi, menjadi marah terhadap orang yang sepatutnya, setakat mana yang munasabah, masa yang tepat, tujuan yang betul, cara yang sesuai – ini bukanlah senang ...”

Aristotle (384-322BC)

Berdasarkan kenyataan di atas maka kebolehan mengenal pasti perasaan diri sendiri dan juga perasaan orang lain serta memotivasikan diri untuk mengurus emosi diri serta hubungan kita dengan orang lain dengan baik dipanggil Kompetensi Kecerdasan Emosi. Lima dimensi kecerdasan emosi dapat diringkaskan seperti berikut:

- Pengetahuan sendiri - kesedaran tentang perasaan sendiri
- Kawalan sendiri - dapat mengurus dan mengawal emosi sendiri
- Motivasi sendiri - memotivasikan diri sendiri dan orang lain
- Empati - mengetahui dan memahami emosi orang lain
- Kemahiran sosial – komunikasi interpersonal dan kepimpinan

CARA MENINGKATKAN KECERDASAN EMOSI

Sebelum membincangkan bagaimana mempraktikkan langkah-langkah meningkatkan kecerdasan emosi ada baiknya kita menyemak sendiri gaya asuhan keluarga. Umumnya terdapat tiga gaya asuhan iaitu:

- Keluarga yang tidak menerima (*Dismissing parent*) - sering menganggap perasaan anak-anak tidak penting, menafikan dan mahu perasaan negatif anak-anak dapat dihentikan segera.
- Keluarga yang menolak (*Disproving parent*) - hampir sama dengan keluarga yang tidak menerima tetapi lebih mempercayai perasaan negatif anak-anak perlu dikawal dan mengaitkan dengan tabiat.
- Keluarga terbuka (*Laissez-Faire parent*)- menerima secara terbuka ekspresi emosi anak-anak. Tidak membantu anak-anak dalam menyelesaikan masalah dan percaya bahawa tidak apa yang dapat dilakukan.

Berdasarkan keterangan ringkas tentang ciri-ciri gaya asuhan dan kesannya kepada emosi anak-anak maka kita cuba lihat sejauh mana latihan emosi yang disarankan oleh Gottman (1997) dapat dipraktikkan. Apa yang penting adalah mengenal pasti perasaan sendiri dan sensitif kepada perasaan orang lain. Gottman menulis tentang bagaimana ibu bapa boleh tingkatkan kecerdasan emosi anak-anak melalui lima langkah melatih emosi. Langkah-langkah tersebut ialah:

- i. *Sedar emosi anak-anak* : Ibu bapa kenal pasti emosi anak-anak dan menyedari perubahan emosi dari masa ke masa seperti gembira, sedih, marah, sayang, takut dan malu.
- ii. *Anggap emosi sebagai peluang untuk mewujudkan kemesraan dan mendidik*: Ibu bapa yang memberi peluang anak-anak meluahkan perasaan kecewa, gagal atau marah akan membina keyakinan diri anak bahawa perasaan mereka adalah penting. Ibu bapa boleh mendidik dengan memberi semangat dan mencari jalan mengatasi perasaan secara positif.

- iii. *Mendengar dengan empati dan menerima perasaan anak-anak:* Bila mendengar emosi kepada anak-anak adalah penting mendengar dan memerhati perkataan yang digunakan. Kita boleh bertanya "mengapa along rasa sedih?" Ada masanya kita perlu membuat refleksi kepada apa yang kita perhatikan dan menyatakan "Along nampak penat sangat hari ini" dan tunggu apa respons anak-anak bila kenyataan empati diajukan.
- iv. *Bantu anak-anak menyatakan emosi dengan tepat:* Ibu bapa dinasihatkan membantu anak-anak menyatakan perasaan dengan tepat agar mereka lebih memahami perkataan yang sesuai bagi menyelakkan salah faham. Perlu kita sedari bahawa sering kali kita berhadap dengan perasaan yang bercampur aduk. Maka bimbing anak-anak menyatakan dengan tepat emosi akan meningkatkan kecerdasan emosi.
- v. *Menentukan limitasi bila menolong anak-anak menyelesaikan masalah:* Proses melimitasikan proses menyelesaikan masalah yang dicadangkan walaupun agak retorik tetapi jika dipraktikkan secara kecil-kecil boleh menjadi biasa.
 - (a) Tentukan situasi – contohnya dalam kawasan rumah sahaja atau hingga hujung bulan ini;
 - (b) Kenal pasti matlamat contohnya kumpul duit untuk beli buku rujukan;
 - (c) Fikirkan kemungkinan penyelesaian masalah contohnya berjimat, menabung atau tolong cuci kereta;
 - (d) Nilai proses penyelesaian masalah berdasarkan nilai yang menjadi pegangan keluarga. Penerapan nilai bukan sahaja membina kecerdasan emosi malah menjadi prasyarat pemupukan kecerdasan spiritual atau rohani;
 - (e) Menolong anak-anak memilih penyelesaian masalah sendiri berlandaskan keupayaan dan nilai.

PENDEKATAN PENINGKATAN KECERDASAN EMOSI

Pengetahuan sendiri dan kawalan diri sebagai kemahiran asas kepada kecerdasan emosi boleh ditingkatkan dengan menggunakan beberapa pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Michel (2006) menyenaraikan empat pendekatan iaitu:

- Literasi emosi
- Perbendaharaan istilah emosi
- Kejujuran emosi
- Model kecerdasan emosi

Literasi Emosi

Peluang ibu bapa untuk membantu anak-anak meningkatkan kecerdasan emosi secara literasi emosi boleh dilakukan secara berbual-bual tentang perasaan yang dialami dengan tepat. Menurut Mayer dan Salovey (1993), kita patut dapat membezakan

antara perasaan kita dan menjadikan panduan untuk kita bertindak. Maka, anak-anak perlu dilatih menyatakan perasaan mereka dengan tepat. Contohnya, ibu bapa membimbing anak-anak bila mereka menyatakan perasaan dengan perkataan dan menunjukkan tingkah laku sebagai menunjukkan emosi yang sesuai. Ayat literasi emosi seperti "saya rasa marah", "saya rasa kecewa" dan sebagainya.

Ibu bapa boleh menggalakkan anak-anak menulis atau menceritakan apa tindakan yang menyebabkan mereka marah atau kecewa. Perkataan yang menunjukkan perasaan positif dan negatif memberikan peluang kepada ibu bapa menggalakkan anak-anak meluahkan emosi secara positif agar dapat mengawal emosi untuk menjadi seorang yang lebih menyedari emosi sendiri dan orang lain.

Perbendaharaan Istilah Emosi

Perkataan bagi menyatakan emosi dikatakan lebih daripada 2000 patah perkataan (Michael, 2006) untuk menerangkan emosi sendiri dan emosi orang lain. Perkataan-perkataan berkaitan emosi boleh dikategorikan secara positif dan negatif. Contohnya, jika anak kita rasa marah bila disuruh berhenti bermain. Anak-anak menunjukkan emosi negatif. Jika kita pandai menurus perasaan emosi marah dengan menganggap itu satu kesilapan yang perlu ditegur dengan baik. Emosi marah menjadi positif dengan menegur atau menasihati supaya jangan melakukan perbuatan yang menyebabkan dimarahi. Contoh "Adik tak puas hati, marah!" Ibu juga kecewa sebab adik tidak mahu dengar cakap ibu. "Adik mesti berhenti main sebelum waktu magrib".

Contoh-contoh kategori emosi:

POSITIF	NEGATIF
Rasa selamat	Rasa takut atau cemas
Sayang	Benci
Suci	Berdosa
Berani	Takut
Bangga	Angkuh

Kejujuran Emosi


Kejujuran emosi bergantung kepada persepsi sesebuah masyarakat. Sejauh mana masyarakat kita boleh menerima ekspresi atau meluahkan perasaan sebenar kita. Ekspresi sebenar emosi dikaitkan dengan kejujuran. Seseorang itu mesti memahami perasaan sebenar untuk menjadi seorang yang jujur mempamerkan emosi. Kecerdasan emosi yang dapat membolehkan seseorang mengenal pasti dengan tepat perasaan sebenar.

Oleh itu gaya asuhan keluarga memainkan peranan penting dalam membina kecerdasan emosi kerana keberanian anak-anak menyatakan perasaan secara jujur bermula dengan sikap terbuka ibu bapa. Anak-anak boleh dibimbing untuk menyatakan perasaan dengan cara berkesan dengan menggunakan kata-kata dan reaksi yang sesuai mengikut situasi. Contohnya, jika tidak suka kepada hidangan yang dihidangkan oleh tetamu. Anak-anak dididik menyatakan dengan baik. "Adik memang suka ayam goreng ini dari sayur". Dengan tidak secara langsung menyatakan dia kurang gemar makan sayur bukan sahaja di rumah orang.

Model Kecerdasan emosi

Buku ini membincangkan model kecerdasan emosi yang dikemukakan oleh Mayer dan Salovey yang dilihat dari empat perspektif. Model ini merupakan model yang dianggap terawal, mudah difahami dan boleh dipraktikkan. Rajah 3.1 meringkaskan model ini.

Rajah 3.1: Model Kecerdasan Emosi mengikut Mater dan Salovey



Sumber : Michel (2006) *Kompetensi Kecerdasan Emosi*

KECERDASAN SPIRITUAL

Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004) dalam buku EQ: Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi menyatakan bahawa "Emosi hanya dimiliki oleh manusia namun tidak semua manusia memiliki kemanusiaan" Beliau menyatakan, kehebatan perkembangan disiplin kecerdasan emosi memberi ilham baru kepada sarjana lain mengkaji kewujudan kepintaran yang lebih memusatkan kepada keabadian diri kepada nilai-nilai luhur dan spiritual.

Donah Zohar seorang psikologi spiritual membawa penemuan baru berdasarkan pengalamannya yang dipelopornya menerusi Kepintaran Spiritual (SQ). Dimensi ketuhanan ini semakin mengambil tempat di kalangan profesional yang mula memikirkan isu akhlak dan moral yang semakin meruncing dalam masyarakat moden.

Ary Ginjarjar Agustian mempersoalkan sejauh mana kita jujur pada diri sendiri. Sehalus mana hati dan perasaan kita dapat diselami. Nabi Muhamad SAW menyatakan "Dosa membuat hati menjadi gelisah". EQ sekadar bersifat sederhana kerana sekadar merasa dan kunci EQ adalah kejujuran dan suara hati. Suara itulah dikatakan harus menjadi pusat prinsip yang mampu memberi rasa aman, pedoman, kekuatan serta kebijaksanaan. Beliau menggabungkan EQ dan SQ dengan mempopularkan konsep ESQ yang mendapat sambutan bukan sahaja di kalangan pendidik malah di kalangan ahli korporat. Buku beliau *ESQ The ESQ Way 165 : 1 Insan, 6 Rukun Iman dan 5 Rukun Islam, Rahsia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual* adalah amat menarik dibaca untuk memantapkan kefahaman tentang konsep kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual.

Bagaimana pula dengan aspek JERI dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan selain daripada IQ dan EQ? Kecerdasan rohani adalah sama istilahnya dengan kecerdasan spiritual sebagaimana yang ditulis oleh Muhamad Wahyuni Nafis dalam buku beliau *Yakin Diri: 9 Jalan cerdas Emosi & Cerdas Spiritual*. Maka bolehlah diringkaskan perkaitan IQ, EQ dan SQ sebagai Kecerdasan Intelek, Emosi dan Spiritual/Rohani atau ringkasnya KIES. Rasional KIES patut diberikan perhatian kerana konflik nilai yang menimbulkan isu keruntuhan moral di kalangan manusia masa kini. Ahli pendidikan dan juga di kalangan ahli korporat yang menulis buku *Kecerdasan Moral* kerana menyedari akan kepentingan kecerdasan moral bagi menjamin kecemerlangan organisasi yang berasaskan kecerdasan nilai moral pekerja. kini mendapat perhatian golongan ahli. Lennick dan Kiel (2005) dalam buku *Moral Intelligence: Enhancing Business Performance and Leadership Success*. Empat prinsip utama yang dianggap penting bagi mengekalkan kejayaan seseorang dan organisasi adalah memberi fokus kepada:

- Kejujuran dan ketulusan (*Integrity*)
- Tanggungjawab
- Belas kasihan (*compassion*)
- Pemaaf

Kembali memahami apa yang diperkatakan Muhamad Wahyuni Nafis tentang *Yakin Diri: 9 Jalan cerdas Emosi & Cerdas Spiritual*. Beliau mengutamakan nilai-nilai tradisional Islam dalam menerangkan strategi meningkatkan Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual. Gejala keruntuhan moral ini mencerminkan akhlak yang tercela meningkat sementara nilai-nilai murni pula semakin terhakis. Nilai-nilai tersebut adalah sabar, syukur, tawaduk, *husnu zhan* iaitu baik sangka, amanah, silaturahim, tawakal, ikhlas dan takwa. Nilai mendasari akhlak dan moral yang menjadi asas kepada

pembinaan penghargaan sendiri. Sembilan nilai tersebut juga merupakan nilai sejagat yang bukan sahaja menjadi pegangan orang Muslim.

PANDUAN PENINGKATAN KECERDASAN SPIRITUAL

Kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual atau rohani adalah saling berkait rapat. Oleh itu secara ringkas panduan yang dikemukakan oleh Muhamad Wahyuni Nafis kami jadikan sebagai panduan untuk dikongsi bersama pembaca. Apa sahaja peningkatan yang ingin dilakukan selaku insan yang mengakui kebesaran Allah semestinya berpandukan ajaran Islam. Oleh itu panduan berikut boleh dijadikan panduan meningkatkan kecerdasan spiritual:

i. Bertindak berdasarkan suara hati dan pengetahuan

Meningkatkan sikap bertanggungjawab dengan menyedari kepentingan menjaga amanah sebagai menjaga diri dan masyarakat. Rukun Islam dan Rukun Iman menjadi pedoman di samping kisah-kisah nabi yang banyak memberikan tauladan. Ibu bapa mesti menerapkan nilai amanah kepada diri sendiri dalam beribadat seperti sembahyang lima waktu. Amanah kepada ahli keluarga dengan mendidik anak-anak bercakap benar dan jujur.

ii. Kehidupan sebagai hasil integriti di antara pengetahuan yang dimiliki dengan amalan praktikal seharian

Tindakan selaras dengan kehendak Tuhan adalah hidup yang sesuai dengan pengetahuan mengenai baik buruk. Tanggungjawab menerapkan nilai-nilai murni kepada anak-anak mesti berpegang kepada prinsip kebenaran.

iii. Menghindari dan meninggalkan perbuatan yang jelas tidak bermanfaat pada diri kita dan orang lain

Manfaat peribadi, sosial ataupun rohani daripada setiap perbuatan yang kita lakukan perlu disoal. Salah satu cara ciri yang mudah dilihat, apakah suatu perbuatan merosakkan kecerdasan emosi dan rohani ataupun tidak? Jika kita kesal apabila kita melakukan perbuatan itu apabila ia merosakkan kecerdasan emosi dan rohani.

iv. Mengambil pengajaran di atas kesilapan orang lain

Pedoman kita adalah tidak ada manusia yang serba tahu dalam semua bidang. Oleh itu, kesalahan dan kelemahan yang seseorang perlu dimaafkan. Memafkan dan menolong orang lain adalah kunci utama bagi meningkatkan kecerdasan spiritual.



v. Menerima kenyataan yang berlaku adalah takdir dan berusaha mencapai masa depan yang lebih baik dengan berikhtiar

Memupuk sikap menerima ketentuan Tuhan dan mencari keberkatan. Ilmu yang bersumberkan Al-Quran menajamkan lagi kecerdasan rohani untuk mencapai kesejahteraan hidup seperti mana pengertian ayat berikut:

"Barang siapa mengerjakan amal soleh, baik lelaki ataupun perempuan dalam keadaan beriman, maka akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan".

(Al-Nal, 16:97)

KESIMPULAN

Kecerdasan emosi dan spiritual saling berkait rapat. Emosi adalah dimensi hati atau kalbu yang menjadi asas kepada pembinaan dimensi spiritual atau rohani. Oleh itu buku ini sekadar memberikan pengertian dan panduan asas. Namun bagi memotivasikan pembaca mendalami konsep kecerdasan emosi dan spiritual ini adalah difikirkan mencukupi serta berupaya memberikan suntikan semangat untuk menjadi pembaca yang lebih kritikal dan lebih praktikal.

Bab 5: Kecerdasan Pelbagai

APLIKASI TEORI KECERDASAN PELBAGAI

Pelbagai pendapat mengenai kecerdasan yang dikemukakan oleh ahli psikologi, namun begitu semuanya masih saling melengkapi. Kecerdasan Pelbagai (KP) oleh Howard Gardner (1983) yang menghuraikan hingga sepuluh kecenderungan potensi seseorang untuk belajar. Di antaranya kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal adalah kecerdasan yang berkait rapat dengan emosi. Teori Kecerdasan Pelbagai (KP) oleh Howard Gardner (1983) Guru dan ibu bapa disarankan mengenal pasti kecerdasan pelbagai diri sendiri untuk mudah membimbing anak-anak.

Guru dan ibu bapa yang kreatif dan inovatif berperanan sebagai mentor dalam membantu anak-anak belajar dengan cara gaya yang sesuai dengan minat dan kemampuan mereka. Belajar dalam suasana yang seronok dan bersesuaian dengan minat dan jiwa anak-anak memudahkan proses meningkatkan potensi diri lebih cemerlang.

Potensi individu berdasarkan kecerdasan pelbagai menjadi maklumat dalam membantu ibu bapa dan guru mewujudkan persekitaran belajar bersesuaian dengan minat, bakat dan keupayaan anak-anak mereka. Apa pun keadaan, yang penting adalah melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan adalah menjadi matlamat akhir pendidikan. Oleh itu, ibu bapa dan guru harus dapat mengaplikasikan Kecerdasan Pelbagai dengan kepekaan kepada nilai-nilai murni, ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menyumbang kepada usaha meningkatkan kecerdasan intelek, emosi dan spiritual atau KIES.

Modul Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran dan Pembelajaran mengemukakan lapan jenis kecerdasan pelbagai yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) iaitu : Kecerdasan Verbal-Linguistik, Kecerdasan Logik-Matematik, Kecerdasan Visual-Ruang, Kecerdasan Kinestetik, Kecerdasan Muzik, Kecerdasan Interpersonal, Kecerdasan Intrapersonal dan Kecerdasan Naturalis. Buku kecil ini cuba mengaitkan kepada

Permata Berbicara: *Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya*

dua lagi iaitu Kecerdasan Spiritual dan Kecerdasan Moral yang diaplikasikan secara bersepadu dengan lapan kecerdasan yang terawal.

JENIS KECERDASAN PELBAGAI

1. Kecerdasan Verbal-Linguistik



Ciri-ciri :Kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam lisan dan penulisan, termasuklah kebolehan mengingat maklumat, keyakinan orang lain serta bercakap tentang bahasa itu sendiri.

2. Kecerdasan Interpersonal




Ciri-ciri: Kebolehan memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain. Kecerdasan ini juga merupakan kemahiran bertindak secara berkesan terhadap orang lain secara praktikal, seperti menggalakkan murid menyertai sesuatu projek.

3. Kecerdasan Intrapersonal




Ciri-ciri: Kebolehan memahami diri sendiri dari segi kekuatan, kelemahan, hasrat dan kehendak, termasuklah kemahiran bagaimana seseorang itu sama atau berbeza dengan orang lain. Kecerdasan ini juga dapat membantu individu menangani perasaan, beradab sopan serta mengawal kemarahan atau kesedihan diri. Mampu membuat refleksi sendiri yang tinggi.

4. **Kecerdasan Logik-Matematik**



Ciri-ciri: Kebolehan menggunakan nombor secara berkesan dan bijak berhujah, termasuklah memahami kelompok nombor asas, prinsip sebab akibat serta kebolehan menjangka. Membuat keputusan yang tidak berat sebelah dan cekap menggunakan teknologi dalam menyelesaikan masalah.

5. **Kecerdasan Visual-Ruang**



Ciri-ciri :Kebolehan mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan, termasuklah kebolehan mempersembahkan idea visual dan ruang secara grafik.

6. **Kinestetik**




Ciri-ciri: Kebolehan menggunakan badan untuk menyatakan idea, perasaan dan penyelesaian masalah, termasuklah kemahiran fizikal seperti koordinasi, keanjalan, kepantasan dan keseimbangan.

7. Kecerdasan Muzik



Ciri-ciri : kebolehan mengesan irama dan lagu, termasuk kebolehan mengenal lagu mudah serta membeza atau mengubah rentak dan tempo dalam melodi yang mudah.

8. Kecerdasan Naturalis



Ciri-ciri : Kebolehan mengenali dan mengklasifikasikan tumbuh-tumbuhan, galian dan binatang termasuk rumput dan batu-batan serta pelbagai flora dan fauna. Ia juga merupakan kebolehan untuk mengenali artifak budaya dari segi pakaian dan makanan.

Gardner (1998) menegaskan Teori Kecerdasan Pelbagai mempunyai prinsip-prinsip tertentu mengenai kecerdasan manusia. Setiap individu mempunyai semua tujuh jenis kecerdasan tersebut. Setiap jenis kecerdasan itu adalah berasingan dan tidak saling bergantung antara satu sama lain. Bagaimanapun, darjah atau kadar setiap kecerdasan tertentu adalah berbeza dari segi kekuatan dan kemahiran. Biasanya, seseorang individu akan mempunyai sekurang-kurangnya satu atau dua kecerdasan yang lebih menonjol berbanding dengan kecerdasan lain. Semua jenis kecerdasan boleh dikembangkan melalui pendidikan, pengalaman dan persekitaran.

Kecerdasan boleh dipelajari, dididik, ditingkatkan dan sentiasa berubah sepanjang hayat. Semua jenis kecerdasan boleh dirangsang jika ibu bapa dan guru tahu caranya.

Kecerdasan ruang contohnya boleh disepadukan dengan kecerdasan logik- matematik. Insan yang seimbang boleh menggabungkan pelbagai kecerdasan contohnya bermula dengan mengenal pasti potensi anak-anak dalam berbual-bual, petah bercerita boleh diuji pula sama ada anak itu boleh menulis cerita dengan gaya bahasa yang menarik (cerdas dalam verbal linguistik) atau mungkin ada bakat melakarkan komik sambil bercerita. Anak-anak akan merasa teruja bila orang dewasa memberi pujian dan gagalkan sebagai satu peneguhan positif.

Refleksi Kendiri

1. Apa yang saya minati ?
2. Mengapa saya meminatinya ?
3. Apa yang saya lakukan ?
4. Bagaimana rasanya apabila dapat melakukannya ?
5. Apa manfaatnya pada diri saya dan orang lain ?

PANDUAN MENINGKATKAN KCERDASAN PELBAGAI

Fahami dulu Anjakan Paradigma Proses Belajar

Menurut Peter Shephard (2001) di dalam bukunya *Whole Brain Thinking and Learning*, menjelaskan lima tahap paradigma pembelajaran yang terdiri daripada:

- *What I am learning: concepts*
Apa yang saya belajar adalah konsep.
- *Why it is so: Principles*
Mengapa jadi begitu adalah prinsip.
- *How I feel about it: Attitudes/Values/Need*
Bagaimana perasaan saya tentang perkara itu adalah sikap/nilai dan keperluan.
- *How I apply: Techniques/Methods*
Bagaimana saya lakukan adalah teknik dan cara.
- *How well I apply: Skill/Standard*
Bagaimana cekap saya lakukan adalah kemahiran.

Memahami proses belajar ini bukan sahaja penting untuk para pendidik. Malah dalam kehidupan kita sehari-hari juga sangat relevan. Cuba kita renung bagaimana kita belajar dulu dan hingga sekarang kita pastinya masih banyak perlu belajar. Sekurang-kurangnya kita cuba memahami diri kita sendiri dalam belajar cara belajar. Bermula dari memahami sesuatu konsep kepada memahami prinsip sesuatu perkara. Bagi meningkatkan kemahuan mempelajari sesuatu pula dikaitkan dengan sikap yang seterusnya mendorong kita belajar pula kemahiran membuat sesuatu. Contohnya, apa yang kita faham tentang kuit karipap adalah kuit yang diperbuat dari tepung

yang diuli dan berinti. Mengapa dipanggil karipap pusing dan macam mana boleh kulitnya berlapis-lapis? kerana prinsip atau petua atau juga cara membuat kulitnya ialah digulung-gulung, maka ianya akan berpusing dan berlapis. Jika seseorang itu suka makan karipap pusing, kemungkinan ianya ingin mempelajari membuat kuit karipap. Secara tradisional kulit karipap mesti dibuat kelim atau dilipat-lipat tepi dengan teliti supaya bila digoreng inti tidak keluar. Kepandaian mengelim kulit karipap adalah kemahiran. Teknik mengelim kulit karipap dipelajari dan dipraktikkan selalu bagi membina kemahiran atau kecekapan. Begitu juga bila membimbing anak-anak petah bercakap dan seterusnya menjadi pemedato. Prinsipnya, ibu bapa memberi membimbing dan latihan dengan memberi pujian dan dorongan nescaya anak-anak membina kemahiran yang menjana kecerdasan pelbagai anak-anak. Bakat anak perlu diperhatikan sejak kecil dan diberikan pengukuhan melalui pujian dan dorongan untuk terus mencuba hingga berjaya. Potensi yang ada dalam diri anak-anak perlu dicungkil dengan menyediakan persekitaran yang membolehkan anak-anak menunjukkan bakat dan seterusnya menguasai kemahiran.

Potensi anak perlu dicari dan digilap agar menjadi seorang yang cerdas dan pintar. Cerdas dan pintar adakah sama maksudnya? Kanak-kanak *genius* sering kali dikaitkan dengan istilah cerdas pintar. Istilah kepintaran yang terdapat dalam A1-Quran sangat tinggi maknanya kerana nikmat seorang insan boleh dicapai dengan kepintaran yang dimiliki seperti maksud ayat berikut:

...kemudian apabila kami berikan kepadanya nikmat dari kami. Dia berkata "Sesungguhnya aku diberi nikmat itu hanyalah kerana KEPINTARANKU. Sebenarnya pemberian nikmat tersebut adalah ujian (adakah ia bersyukur atau sebaliknya), tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu)".

Surah Al-Zumar (39:49)

Sementara menggunakan akal dikaitkan dengan seorang yang cerdas dan pintar. Ayat-ayat al-Quran berikut adalah penting untuk kita fikirkan secara mendalam:

Musa berkata: "Tuhan yang menguasai timur dan barat dan segala apa yang ada di antara keduanya (itulah Tuhanmu), jika kamu orang yang berakal (tentulah memahaminya)".

Surah Al-Shu'ara (26:28)

LANGKAH DALAM MEMBIMBING KECERDASAN PELBAGAI

Peringkat 1 : Padanan

Caranya: Kenal pasti kekuatan individu dalam kecerdasan. Sering kali guru dan ibu bapa cenderung memilih aktiviti yang merupakan kekuatan dari segi pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki untuk dipadankan dengan kecerdasan pelbagai anak didiknya.

Peringkat 2 : Percubaan

Caranya: Menyedari ada pelbagai pendekatan, strategi, kaedah dan teknik bagi mengaplikasikan kecerdasan pelbagai. Semuanya diambil kira agar sesuai dengan matlamat, objektif tingkah laku, kaedah dan kesan berasaskan visi yang menjurus kepada melahirkan insan yang seimbang.

Peringkat 3 : Peningkatan

Tujuan KP adalah memberi fokus kepada tiga aspek:-

- Digunakan sebagai strategi menyelesaikan masalah.
- Memperluaskan kemahiran berfikir hingga sampai metakognisi (berfikir bagaimana cara berfikir).
- Meningkatkan perkembangan kognitif Bloom pelajar berasaskan aras Taksonomi Bloom: pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Istilah ini sudah biasa kepada guru dan pendidik kerana menjadi panduan membina soalan peperiksaan mengikut aras kognitif ini.

Rajah 5.1 : Peningkatan Kemahiran Berfikir



Rajah 5.2: Peta Minda Kecerdasan Pelbagai



BAGAIMANA MENINGKATKAN PERSEKITARAN BAGI KECERDASAN PELBAGAI

Proses pembelajaran tidak semestinya di bilik darjah. Aktiviti pembelajaran boleh berlaku dengan berkesan dalam persekitaran fizikal yang kondusif. Keadaan fizikal bilik darjah atau rumah boleh diubah suai bagi menyesuaikan persekitaran dengan kecerdasan pelbagai anak-anak. Ibu bapa dan guru boleh memberi fokus kepada perkara berikut:

- Perhiasan bilik belajar
- Bahan bantu belajar
- Stesen kecerdasan
- Sudut pembelajaran di sekitar rumah dan sekolah seperti taman
- Bilik pembelajaran khas – makmal sains, bilik kemahiran hidup, bilik seni-visual, bilik muzik dan bilik sumber

KECERDASAN PELBAGAI MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERFIKIR

Strategi KP dalam memperluaskan kemahiran berfikir anak-anak;

- Menjana pemikiran yang lebih mendalam dan meluas.
- Memperoleh pelbagai perspektif mengenai sesuatu perkara.
- Mengaplikasikan pengetahuan yang sedia ada dalam situasi dan konteks yang baru dan berlainan.

Jadual 5.1 : Strategi Penyelesaian Masalah.

KECERDASAN PELBAGAI (KP)	STRATEGI PENYELESAIAN MASALAH
Visual-Ruang	Melakar peta minda, Kerangka konseptual, membayangkan masalah dan cara penyelesaian.
Interpersonal	Mendapatkan idea melalui perbincangan, sumbang saran bagi mengenal pasti punca masalah dan mendapatkan cadangan penyelesaian.
Intrapersonal	Membuat refleksi secara mendalam berdasarkan pengalaman dan perasaan bagi mengenal pasti dan penyelesaian masalah.
Logik-Matematik	Membuat andaian berdasarkan fakta dan bukti.
Kinestetik	Mengubahsuai alat dan bahan untuk menyelesaikan masalah.

Naturalis	Menggunakan alam semula jadi bagi mengkaji masalah dan menyelesaikan masalah.
Verbal- Linguistik	Menyelesaikan laporan tugas penyelesaian masalah dengan bahasa yang mudah difahami dan meyakinkan.

Pemikiran kritis, kreativiti dan inovasi dapat dicungkil dan ditingkatkan daripada anak-anak.

Jadual 5.2: Meluaskan Kemahiran Berfikir

Intrapersonal	Anak-anak memahami secara mendalam dengan mengaitkan apa yang dipelajari dengan pengalaman diri sendiri.
Interpersonal	Anak-anak menginterpretasikan motif watak-watak dalam cerita dan drama.
Visual-Ruang	Anak-anak melukis dan melakarkan imej dengan menggunakan pelbagai stail, media dan bahan baru.
Logik-Matematik	Anak-anak menjalankan eksperimen sains yang keputusannya di luar jangkaan mereka.
Verbal-Linguistik	Anak-anak memberi interpretasi baru mengenai sesuatu cerpen atau hasil kesusasteraan.
Muzik	Anak-anak menghasilkan muzik yang menarik, luar biasa tetapi peka kepada nilai dan etika.
Kinestetik	Anak-anak menggunakan pergerakan atau stail baru dalam tarian yang mengekalkan nilai dan etika.

KECERDASAN PELBAGAI DALAM AKTIVITI REKREASI

Aktiviti kecerdasan boleh dirancang dalam pelbagai situasi dan keadaan contohnya sambil beriadah atau rekreasi. Namun objektif meningkatkan kecerdasan pelbagai membantu anak-anak menajamkan lagi kecerdasan pelbagai.

Aktiviti 1 : Cucu dan Nenek Kebayan.

- Objektif : • Meningkatkan kecerdasan interpersonal, matematik, visual-ruang, muzik dan kinestetik.
• Mendorong minat melalui aktiviti bermain.
- Ahli : Lebih dari tiga orang.
- Tempat : Lapang.
- Masa : 30 minit.
- Alat : Kertas dan pensel.
- Langkah : 1. Sediakan ruang petak seperti kertas graf dengan melukis di atas lantai menggunakan kapur. Jika kelas mempunyai *tiles* yang berpetak lagi mudah. Garisan tebal atau tali rafia boleh digunakan sebagai petanda garisan paksi X dan Y.
2. Mengarahkan anak-anak mencari ahli kumpulan sekurang-kurangnya tiga orang. Seorang menjadi nenek kebyan dan dua orang menjadi cucu. Anak yang menjadi cucu ditutup mata dengan kain.
3. Nenek diberikan kad arahan untuk bergerak kepada peta mengikut koordinat (XY) contohnya di petak koordinasi A(4,5). Anak yang menjadi cucu mesti berjalan mencari nenek di peta yang betul sementara rakan-rakan yang lain menyanyikan lagu Nenek-Nenek.
4. Pada akhir aktiviti, beri fokus kepada kefahaman tentang konsep koordinat dalam matematik.
5. Permainan diteruskan sehingga 15 minit sebelum masa tamat bagi memberi peluang membuat refleksi kepada aktiviti yang jalankan.

*Cucu-cucu tak dapat lari,
Nenek tua banyak sakti.
Cucu yang bijak mesti cari,
Mana tempat nenek pergi.*

Cucu menjawab sambil menyanyi

Nenek-nenek jangan marah,
Kami nak tahu di mana nenek,
Tolong berikan petunjuk arah,
Supaya kami jumpa nenek.

Nenek menjawab

Cucu-cucu cuba cari,
Nenek ada tidak lama,
Cuba cari jangan belari
Ke kanan 4 ke depan 5.

Aktiviti 2 : 3 Abdul dengan Harta Pusaka

- Objektif : • Meningkatkan kecerdasan interpersonal, intrapersonal, naturalis, visual-ruang, moral dan spiritual.
• Meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
• Menghargai dan bersyukur di atas kurniaan Tuhan.
- Ahli : Lebih dari dua orang.
- Tempat : Mana-mana yang sesuai.
- Masa : 30 minit.
- Alat : Kertas dan pensel.
- Langkah : 1. Ibu bapa atau guru sebagai fasilitator menceritakan kisah 3 Abdul: Tiga beradik bernama tiga Abdul, Abdul Wahid, Abdul Wahab dan Abdul Wahub yang sedang mendengar wasiat dari ayah mereka yang sedang sakit tenat. Ayah mereka hanya meninggal tiga jenis harta pusaka dan mereka hanya boleh memilih salah satu harta sahaja.
- | | | |
|----------------|---|----------------------------|
| Wasiat pertama | : | Ternakan kambing dan lembu |
| Wasiat Kedua | : | Ladang kelapa sawit |
| Wasiat Ketiga | : | Kitab Lama |
- Abdul Wahib dan Abdul Wahab asyik bertengkar merebut wasiat pertama dan kedua. Abdul Wahub amat marah kerana sedang ayah sakit tenat mereka asyik fikirkan harta pusaka. Abdul Wahub redha dengan wasiat ketiga. Namun selepas lima tahun Abdul menjadi kaya raya dan Abdul Wahib dan Abdul Wahab menjadi miskin.
2. Meminta anak-anak menjana idea membuat andaian mengapa Abdul Wahab dan Abdul Wahib jadi miskin. Jika mereka jadi Abdul Wahub bagaimana membuat keputusan sehingga boleh jadi kaya raya. Guna kemahiran berfikir menggunakan borang pengurusan grafik membuat keputusan.
3. Ajak anak-anak membuat refleksi dengan memberi fokus kepada falsafah di sebalik kitab lama yang sebenarnya kaya dengan ilmu yang tidak akan hilang.
- Harta benda bukan menjamin seseorang kekal menjadi kaya.
 - Kebijaksanaan mengurus ilmu dan kemahiran mengurus harta pusaka dengan bijak.

Aktiviti 3 : Sahabat Sejati

- Objektif : • Meningkatkan kecerdasan matematik, intrapersonal, interpersonal dan muzik.
 • Meningkatkan kemahiran emosi, moral dan spiritual.
 • Menggunakan formula matematik malar $+$, $-$, \times , \div bagi meningkatkan sahsiah pelajar.
- Ahli : Lebih dari empat orang.
- Tempat : Bilik atau tempat yang kondusif.
- Masa : 30 minit.
- Alat : Kertas, pen dan pita rakaman bagi memainkan lagu “Teman yang Sejati” sebagai suara latar.
- Langkah : 1. Meminta anak-anak melukis empat petak di sekeping dan menulis simbol matematik $+$, $-$, \times , \div di bahagian atas dan di tengah petak.
 2. Senaraikan pada ruang yang disediakan.
 • sifat diri yang positif diinginkan di ruang “ $+$ ”.
 • tabiat yang ingin diubah di ruang “ $-$ ”.
 • apa yang boleh digandakan usaha di ruang “ \times ”.
 • apa yang boleh dibahagikan di ruang “ \div ”.
 3. Dalam kumpulan berempat, anak-anak menunjukkan apa yang telah dicatatkan. Secara bergilir beri peluang anak-anak menyatakan secara ringkas apa yang dicatatkan dan setiap ahli boleh mengemukakan satu soalan yang difikirkan perlu bagi menambah kefahaman tentang apa yang ditulis.
 4. Kertas di edar mengikut pusingan jam dan setiap ahli memberikan tandatangan kepada apa yang merasa setuju untuk menjadi sahabat bagi membantu ahli lain menjadi lebih cemerlang.
 5. Minta anak-anak menandatangani ruang menyatakan apa yang boleh ditambah “ $+$ ” bagi sifat-sifat positif, apa sifat negatif yang dicadangkan untuk ditolak “ $-$ ” dibuang atau diubah. Sementara apa yang akan hendak dibagi “ \div ” untuk mendorong usaha terlibat kali ganda “ \times ”.
 6. Fasilitator/ibu bapa membuat rumusan bahawa setiap insan mempunyai kelebihan dan kelemahan. Jadi sebagai sahabat yang setia perlu menerima kelebihan atau kekuatan dan kekurangan atau kelemahan seseorang sahabat sejati.

Contoh :

<p>"+"</p> <ul style="list-style-type: none">• Ilmu• Kemahiran	<p>"-"</p> <ul style="list-style-type: none">• Tabiat buruk
<p>"X"</p> <ul style="list-style-type: none">• Hadiah &pujian• Usaha berganda	<p>"÷"</p> <ul style="list-style-type: none">• Panduan• Tunjuk ajar

KESIMPULAN

Bab ini memberikan maklumat tentang kecerdasan pelbagai dan jenis-jenis kecerdasan pelbagai yang dimiliki oleh seseorang. Seterusnya buku ini memberikan panduan bagaimana boleh diaplikasikan dalam pengajaran secara formal dan tidak formal. Pelbagai situasi boleh diwujudkan bagi merangsang peningkatan kecerdasan pelbagai anak-anak. Beberapa cadangan aktiviti kecerdasan pelbagai dalam aktiviti rekreasi boleh dilakukan sambil berehat atau beriadah bersama keluarga sebagai pengukuhan kepada apa yang ditonton dan dibaca. Kecerdasan pelbagai juga dijadikan strategi meningkatkan kemahiran berfikir dalam menyiapkan tugas dengan bimbingan ibu bapa.

Bab 6: Menilai Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan Pelbagai memberi peluang menggunakan pelbagai kaedah menilai pencapaian anak-anak. Aktiviti seperti refleksi sendiri, renungan, perbincangan dan penghargaan kepada kecerdasan sendiri boleh membagaikan perspektif penilaian. Di antara aspek penilaian berikut memang amat penting dijadikan panduan dalam menjalankan penilaian dan menjurus kepada usaha meningkatkan penghargaan sendiri anak-anak:-

- Pengetahuan sendiri
- Hormat sendiri
- Penilaian sendiri
- *Empowerment* atau pengupayaan
- Proses berfikir bagaimana seseorang berfikir (metakognisi)

PRASYARAT

- Anak-anak digalakkan memainkan peranan yang aktif dalam proses penilaian dari aspek penggulan dan penilaian sendiri dan rakan sebaya.
- Anak-anak yang kurang cenderung kepada kecerdasan Logik-Matematik dan Verbal- Linguistik, harus diberi peluang untuk dinilai dengan cara lain

6 CIRI-CIRI PENILAIAN

Rajah 6.1 : Ciri-Ciri Penilaian Kecerdasan Pelajar

Memberi makna dan memberi nilai.	Dalam Konteks sebenar: Ada kaitan dengan persekitaran dan kehidupan pelajar.
Mencerminkan Kepakaran dalam sesuatu kemahiran. Perbandingan berdasarkan peningkatan hasil kerja pelajar sendiri.	Sepadannya dengan kecerdasan pelajar. Membenarkan masa untuk menghayati proses penghasilan sesuatu projek atau penilaian.
Digabungjalinkan dalam proses Pengajaran & Pembelajaran. Pelajar belajar kerana perasaan ingin tahu dan bermotivasi belajar dalam kumpulan.	Memberi peluang perkembangan kesemua kecerdasan. Melibatkan perbincangan, Kreativiti, demonstrasi, Perbentangan laporan, Penyelesaian masalah dan refleksi.

Tujuan

Pemberikan nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran dengan pelbagai cara seperti:

- Kemahiran penilaian sendiri
- Kemahiran pemikiran reflektif
- Kemahiran metakognisi
- Kemahiran penyelesaian masalah dalam proses belajar
- Membina kefahaman baru
- Memupuk penerimaan sendiri, menghargai dan saling Menghormati
- *Empowerment* dengan memberi keupayaan memilih
- Penambahbaikan arahan
- Disiplin tanpa stres
- Disiplin kawalan tugas dan disiplin kawalan kumpulan
- Pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar
- Kontektual, konstruktivis, akses sendiri dan masteri
- Menambahbaikan pelaksanaan kurikulum

Cuba kita lihat perbandingan penilaian tradisional dengan penilaian alternatif yang disebut penilaian autentik. Penilaian autentik akan membuatkan anak-anak seronok belajar dan mampu mengembangkan potensi pelajar ke tahap yang optima tanpa menyedari mereka dinilai.

Jadual 6.1 : Perbandingan Penilaian Tradisional dengan Penilaian Autentik

CIRI	TRADISIONAL	AUTENTIK
Matlamat	Gred dan tahap	Kefahaman dan membantu kemahiran
Rujukan	Normal atau kriteria	Berdasarkan pola tingkah laku
Konteks	Berdasar pengetahuan	Berdasarkan prestasi tingkah laku
Bila	Selepas pengajaran	Semasa pengajaran dan berterusan
Berapa kerap	Sekali dan lebih formatif	Kerap kali
Apa yang dinilai	Kemahiran terhad	Pelbagai kemahiran
Jenis	Bertulis	Pelbagai format

Penilaian tradisional lazimnya menguji IQ yang belum menggambarkan kecerdasan sebenar seseorang. Penilaian autentik mencari alternatif kepada ujian bertulis kerana ujian tradisional sekadar menguji sebahagian daripada IQ. Daniel Goleman (1995), menyokong pendapat ini yang mengatakan hanya empat peratus sahaja kaitan kejayaan dalam peperiksaan dengan prestasi seseorang di tempat kerja. Beliau merumuskan bahawa kurang hubungan kaitnya antara IQ dengan kejayaan seseorang dalam kehidupan. Oleh itu penilaian seharusnya direka bentuk agar lebih adil bagi menilai pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh setiap pelajar. Ujian berdasar kriteria kecerdasan tidak menghadkan kepada ujian bertulis tetapi memberi peluang mengaplikasikan kemahiran tertentu.


ALAT PENILAIAN

Projek dan produk - pelajar boleh secara sendirian atau berkumpulan menjalankan projek. Sepanjang tempoh menjalankan projek, guru berpeluang menilai pelbagai kecerdasan dalam pelbagai situasi sebenar. Pelajar membina senarai semak bagi temu bual, gambar, model, grafik, carta, autograf dan laporan. Format projek pembelajaran koperatif Kagan (1994) menggalakkan pelajar mencatatkan pengalaman dalam portfolio. Pelajar menulis catatan refleksi dalam portfolio yang dijadikan dokumen penting asas penilaian oleh guru.

Contoh Penilai Projek dan Produk : Kitaran Air

# Verbal-Linguistik	- Mencipta karangan atau puisi bertemakan kitaran air.
# Logik/Matematik	- Reka bentuk uji kaji pengwapan dalam pelbagai keadaan.
# Visual-Ruang	- Guna warna air untuk membentuk ceretan membentuk awan.
# Muzik	- Cipta bunyi menunjukkan hari panas, hari hujan dan ribut.
# Kinestetik	- Mengayakan air turun.
# Naturlis	- Memerhatikan kesan rintitan air di daun dan kering bila hari panas.
# Interpersonal	- Secara berkumpulan cipta iklan kempen "jimat guna air".
# Intrapersonal	- Menulis apa perasan setiap kali melihat titisan air menitis, air hujan yang lebat, air sungai yang mengalir deras, air yang berpusing dan embun di kelopak bunga mawar.
# Spiritual & Moral	- Bersyukur dan mengamalkan tabiat menjaga kebersihan air.

Borang Pengurusan Grafik : Membuat Keputusan



KECERDASAN PELBAGAI SEBAGAI ALAT MENILAI POTENSI DIRI

Penilaian sendiri melatih pelajar melalui proses berfikir ke arah metakognisi. Penilaian sendiri membina keyakinan diri untuk menjadi seorang yang berani mengkritik diri sendiri dan lebih reflektif. Proses metakognisi membantu pelajar berfikir bagaimana mereka berfikir. Akhirnya membina keyakinan diri menganalisis dan menilai kekuatan dan kelemahan diri sendiri bagi merancang strategi terbaik sebagai pelan tindakan mencapai kejayaan. Berikut beberapa cara membantu pelajar membuat penilaian sendiri.

Borang Respons

Kagan menamakan borang *Smart in Many Ways* (SIMW) telah membuktikan banyak membantu pelajar membina kemahiran penilaian sendiri kecerdasan pelbagai. Dalam sesuatu sesi pembentangan sama ada secara sendirian atau berkumpulan pelajar diberikan borang penilaian SIMW. Borang ini memberi ruang penilaian memberi maklum balas bagaimana pembentangan dapat diperbaiki bagi meningkatkan kecerdasan pelbagai.

Anak-anak berpeluang melihat pelbagai perspektif dan membuat kritikan membina dengan menggunakan borang respons rakan sebaya. Dalam borang berkenaan mereka menjawab persoalan:

- Bagaimana mereka belajar?
- Apa yang mereka ingin belajar lagi?
- Apa yang paling menarik?
- Apa idea bagi membaiki?

Borang *Smart in Many Way*

Penilai : _____		Tarikh : _____	
Verbal-Linguitik <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan	Kinestetik <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan		
Interpersonal <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan	Visual-Ruang <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan		
Intrapersonal <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan	Muzik <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan		
Logik- Matematik <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan	Nutralis <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan		
Moral-Spiritual <ul style="list-style-type: none">• Apa yang saya suka/belajar• Idea untuk penambahbaikan			
Komen Keseluruhan:			

Borang alat berfikir **Plus, Minus and interesting (PMI)** yang dibina oleh Edward de Bono (1983) boleh diguna oleh pelajar membuat refleksi dan maklum balas. Pelajar mencatat apa yang mereka suka (**Plus +**), apa yang mereka tidak suka (**Minus -**) dan apa yang paling rasa berminat atau menarik tentang apa yang mereka buat atau apa yang dibuat oleh rakan-rakan.

Borang PMI

<p>Plus(+)</p> <hr/> <hr/>
<p>Minus(-)</p> <hr/> <hr/>
<p>Interesting (++)</p> <hr/> <hr/>

Borang Refleksi Kendiri

Borang Refleksi Kendiri juga banyak membantu membina keyakinan sendiri dan estim sendiri. Borang refleksi sendiri diberikan kepada guru dan menjadi satu dialog yang menarik contohnya:

Anak : “Saya rasa amat gugup semasa menyampaikan hujah-hujah sehinggakan suara saya menggeletar...”

Ibu bapa atau guru memberi respons : “Saya dapat lihat kamu gugup tetapi tidak mengapa kerana gugup membuatkan kamu membina keyakinan untuk berhati-hati menyampaikan hujah, suara menggeletar tidak ketara malah awak kelihatan hebat dengan gaya tersendiri, saya juga bersemangat walaupun sedikit bimbang.”

Maklum balas kepada anak-anak pada zaman siber ini menjadi semakin mudah kerana melalui e-mail dan SMS atau MMS juga mesej dapat disampaikan dengan pantas. Namun sebagai proses belajar yang dilihat daripada hasil kerja ibu bapa dan guru boleh mendokumentasikan maklum balas tersebut melalui borang pengurusan grafik yang mengabungkan kecerdasan pelbagai dan kemahiran berfikir.

- Borang refleksi boleh diubahsuai dari bentuk dialog kepada jurnal deskriptif.
- Borang Apa Susah, Ada Senang : yang penting seronok belajar.

Soalan refleksi umum ini memandu kita berfikir secara reflektif.

1. Apa yang saya lakukan?
2. Mengapa saya lakukan begitu?
3. Apa saya rasa atau perasaan saya?
4. Ada cara lainkah untuk dilakukan?
5. Apa yang saya pelajari daripada peristiwa itu?
6. Apa yang akan saya lakukan?

Cuba fikirkan soalan-soalan di atas di mana arahnya soalan-soalan itu? Soalan pertama dan kedua mengajak kita berfikir secara rasional. Sedangkan soalan ketiga membawa kita merasa dan menyentuh hati budi bagi membangkitkan emosi. Soalan ke empat sekali lagi mengajak kita berfikirkan alternatif kepada tindakan yang mungkin lebih kreatif dan inovatif menangani sesuatu situasi. Sementara soalan kelima juga mengajak kita berfikir apa yang sebenarnya memberi pengajaran atau mencari hikmah disebalik apa yang terjadi. Akhir sekali soalan keenam jika kita serius dan jujur kepada diri sendiri, pastinya kita ketemui strategi untuk bertindak dengan lebih bijaksana.

Jurnal Dialog

Nama : _____ Tarikh : _____


Topik : _____

Jurnal refleksi

Komen

Serahkan kepada ibu bapa, guru atau rakan untuk mendapat maklum balas

Borang Apa Susah, Ada Senang : yang penting seronok belajar

Apa yang senang	Nama : _____	
	Topik : _____	
	Bahagian yang saya suka	Bahagian yang saya tidak suka
Apa yang susah		
	Cadangan dan maklum balas: _____	

KESIMPULAN

Kecerdasan pelbagai memberikan peluang semua orang membina kecerdasan berdasarkan bakat dan potensi diri yang dikenal pasti dan dibina berasaskan nilai-nilai akhlak dan moral menjadi seorang insan yang berjaya. Kejayaan seorang insan secara menyeluruh dan seimbang dilihat dari kecerdasan intelek, kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual boleh bermula dari seseorang insan kenal tentang potensi diri dan seterusnya membina jati diri melalui kecerdasan pelbagai. Seorang yang cerdas dalam logik matematik juga perlu seimbang dari segi kecerdasan emosi dan spiritual agar menjadi insan yang cemerlang dalam pelajaran, kerjaya dan mencapai kesejahteraan hidup.

Rujukan

- Azharuddin Sahil. 2007. *Indeks Al-Quran: Panduan mudah mencari ayat dan kata dalam Al-Quran*. Bandung: Mizan Media Utama.
- Ari Ginarjar Agustin. 2005. *ESQ: The ESQ Way 165*: Jakarta. Penerbit Agra.
- Gardner , H. 1983. *The Frames of Mind: The theory of multiple intelligences*. New York. Basic.
- Goudsmit, A. S. 1956. *Scientific Intelligence*. *American Philosophical Society*, Vol. 100, No.1. pg 2-1.
- GottmanJ. 1997. *The heart of parenting: How to raise an emotional intellent child*. London: Bloomsbury Publishing Plc.
- Kagan, S & Kagan,M. 1998. *Multiple Intelligences: The Complete MI Book*. San Clemente CA. Kagan Cooperative Learning.
- Muhamad Wahyuni Nafis. 2007.*Yakin Diri: 9 Jalan Cerdas Emosi & Cerdas Emosi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Azhar Abd. Hamd; 2006 *EQ: Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong: PRS. Publication & Distrubutors. Sdn. Bhd.
- Micheal A,J. 2006. *Kompetensi kecerdasan emosi: Untuk pelajar kursus persediaan ijazah sarjana muda pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Peter Shepard. 2001.*Whole Brain Thinking and Learning: Enhancing Individual and Organizational Learning*. Petaling Jaya Brain Dominance Technologies Sdn. Bhd.
- Roulinski,A.(2007) What is Intelligence? [http://ezinearticles.com/? What is intelligence?&id=455211](http://ezinearticles.com/?What_is_intelligence?&id=455211) dicapai pada 10 Februari 2010.
- Stenberg,R.J. 1999. *How Practice Intelligence Determines Success In Life*. New Youk: Simon and Schuster.

Permata Berbicara: *Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya*

Salhah Abdullah. 2009. *Kecerdasan Pelbagai: Aplikasi dan Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Zulkiple Abd. Ghani. 2008. *Minda Kelas Pertama Mengikut Pespektif Islam* Kertas perbentangan di Seminar Minda Kelas Pertama. UPM.



Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya

Buku ini memperkenalkan konsep kecerdasan dan jenis-jenis kecerdasan serta panduan untuk meningkatkannya. Turut dibincangkan perkara berkaitan IQ dan panduan meningkatkan kecerdasan serta disusuli dengan cadangan gaya mudah meningkatkan kecerdasan akal anak-anak. Aktiviti mengaplikasikan kecerdasan pelbagai dalam rekreasi juga dikongsi dalam buku ini agar membantu pembaca mengenal pasti kesesuaian aktiviti untuk diri sendiri. Kekuatan buku ini adalah daripada perspektif panduan mengaplikasikan kaedah peningkatan kecerdasan dalam kehidupan seharian yang memberikan keutamaan kepada penerapan nilai keinsanan.

SALHAH BT. ABDULLAH berpengalaman sebagai seorang pendidik sejak tahun 1980 di sekolah menengah dan pensyarah di Institut Pendidikan Guru pada tahun 1992 hingga 2008. Kini, beliau merupakan pensyarah kaunseling di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Pengurusan Pendidikan dari universiti yang sama pada tahun 1996. Berpengalaman menulis empat buah buku sejak tahun 2005, antaranya "Guru Sebagai Fasilitator (2005)", "Guru Sebagai Mentor (2005)", "Mentor Efektif (2006)" dan "Kecerdasan Pelbagai: Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran(2009)".

AMIN AL HADI BIN SHAFIE merupakan tutor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dari Universiti Malaysia Sabah pada tahun (2005). Seterusnya memperoleh Sarjana Kaunseling dari Universiti Monash, Kampus Clayton, Australia pada tahun 2008. Kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran dalam bidang kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia.

ISBN 978-967-5295-36-2



9 789675 295362